

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 MARCH 2015

Najib beri pengiktirafan tertinggi kepada warga silat

KUALA LUMPUR 24 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak memberi pengiktirafan tertinggi kepada pengamal dan penggiat seni silat apabila menyifatkan warga silat sebagai angkatan ketiga yang bertanggungjawab mempertahankan agama, nusa dan bangsa.

Menurut Perdana Menteri, darah serta semangat kepahlawanan yang mengalir dalam setiap warga silat akan memastikan mereka sentiasa bersedia untuk berada di barisan hadapan bersama-sama dengan kerajaan bagi mendepani segala cabaran mendatang.

"Saya sentiasa percaya bahawa warga silat merupakan angkatan ketiga yang akan bersedia untuk mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara pada bila-bila

masa daripada sebarang bentuk ancaman, baik yang datang daripada musuh luar atau pun dalam.

"Sebab itu walaupun sekarang ini merupakan zaman kontemporari, semangat pendekar itu penting untuk terus disuburkan," katanya semasa berucap dalam majlis Himpunan Sang Sapurba Segayong di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini malam ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan dan Guru Utama Gayung Malaysia, Datuk Raja Abdul Majid Raja Mat Isa.

Pada majlis yang penuh dengan adat istiadat pendekar itu, penyam-

paian beberapa Anugerah Sandang Kebesaran kepada beberapa tokoh tanah air termasuk kalangan artis dan anak gayong turut dilakukan.

Dalam pada itu, Najib yang turut diangkat sebagai Imam Khalfah Agong Pertubuhan Seni Pusaka Silat Gayong Malaysia berkata, bangsa Melayu perlu mengambil ikhtibar daripada semangat silat yang mementingkan kekuatan jika mahu muncul sebagai bangsa berdaulat.

Bagaimanapun katanya, kekuatan yang diperlukan itu tidak hanya bergantung pada soal fizikal semata-mata, tetapi apa yang lebih penting ialah penguasaan ilmu disusuli dengan ketahanan rohani untuk membolehkan orang Melayu menjadi bangsa dihormati.